



50

IDEA



GIGIH

*Bersama jayakan impian*

50

IDEA  
GIGIH



*Bersama jayakan impian*



# PENGENALAN

50 Idea GIGIH merupakan kompilasi berbagai aktiviti dan perniagaan yang ingin diketengahkan kepada rakyat Malaysia untuk dicontohi.

Ia bermula dengan program Cabaran GIGIH, yakni satu cabaran untuk mengenalpasti aktiviti atau perniagaan yang dilakukan oleh individu yang telah terbukti berjaya menambahkan pendapatan mereka.

Cabaran GIGIH adalah bertujuan untuk mengiktiraf individu yang telah membantu diri sendiri menambahkan pendapatan mereka, serta mengenengahkan aktiviti atau perniagaan yang terbaik supaya menjadi contoh kepada rakyat Malaysia.

50 Idea Gigih merupakan model-model aktiviti atau perniagaan untuk anda contohi. Kegigihan para peserta Cabaran GIGIH mampu memberikan inspirasi dan dorongan untuk anda berjaya seperti mereka.

Buku ini merangkumi pelbagai dimensi aktiviti dan perniagaan yang meliputi bidang jualan dan perkhidmatan samada secara sambilan atau sepenuh masa. Kepelbagaian sektor yang bermula dari kreativiti kraf hinggalah penggunaan aplikasi teknologi terkini memberikan pilihan unik kepada anda untuk memulakan perniagaan sendiri.

## Anda juga boleh melakukannya...

50 Idea GIGIH juga bersedia mengenengahkan pengalaman dan kisah kejayaan untuk dikongsikan kepada anda. Latarbelakang peserta yang berbeza dari aspek umur, suri rumah, bekerja sepenuh masa, orang kelainan upaya (OKU), ibu tunggal dan sebagainya, memberikan rencah yang menarik untuk anda teladani dan contohi.



02



# APA KATA MEREKA...

## **Perniagaan Penghasilan dan Penjualan e-book**

‘Dalam kesibukan belajar, kita sebenarnya mempunyai banyak ruang dan peluang untuk menjana pendapatan sampingan. Persoalannya, mahu atau tidak.’

**Mohamad Shamirul Afiq bin Murat, 20. Perak**

## **Pakej Burger Istimewa Secara Online**

‘Cabaran GIGIH telah memberi satu harapan yang baru untuk rakyat Malaysia dalam merealisasikan impian dan kejayaan yang boleh dikongsikan bersama sejuta harapan.’

**Siti Nor Syamila binti Othman, 24. Kedah**

03

## **Perkhidmatan Penghantaran Barang Runcit Kepada Ahli Komuniti**

‘Kenikmatan kehidupan wajar dirasakan oleh semua orang. Dengan memberi perkhidmatan kepada komuniti sekitar, saya dapat berbakti dan berkongsi kesenangan hidup seperti orang lain... permulaan dalam perniagaan pasti akan ada cabaran, tetapi selepas menempuh cabaran, Insya Allah kita akan berjaya.’

**Zainon bin Abdullah, 48. Kedah**

## **Perkhidmatan Rumah Transit Anak Sekolah**

‘Hidup kita hanya sekali, oleh itu lakukan perkara terbaik untuk diri dan masyarakat. Orang yang berjaya adalah orang yang sentiasa mengambil peluang yang ada di hadapan mereka.’

**Noral Ashikin Omar binti Abdullah, 54. Selangor**

## Membuat Peralatan Pemulihan OKU

‘Kejayaan sesuatu perniagaan atau aktiviti hanya akan tercapai sekiranya produk atau perkhidmatan yang diberikan itu mampu memberi kepuasan kepada orang lain.’

Mohd Asri bin Dolah, 45. Kelantan

## Jurugambar Jalanan

‘Satu-satunya sikap yang merubah kehidupan adalah keberanian untuk membawa kita dari satu fasa ke fasa yang lebih baik – berani bertindak, merungkai eksplorasi penuh aspirasi.’

Awang Shahrizan bin Awang Abu Bakar, 35. Melaka

## Ternakan Udang Karang (lobster)

‘Alhamdulillah, hasil usaha gigih tanpa berputus asa ia dapat membuahakan hasil dan impian terlaksana atas kegigihan usaha yang berterusan.’

Effendy Halily bin Halili, 41. Melaka

## Sabun Asli

‘Hanya menerusi usaha yang gigih dan berterusan akan membuahakan kejayaan dalam kehidupan kita. Sesungguhnya Cabaran GIGIH merupakan satu inisiatif yang amat baik bagi mencungkil bakat berpotensi yang boleh dicontohi oleh masyarakat, khususnya golongan belia.’

Heng Siaw Ling, 31. Kuala Lumpur





**IDEA**

**GIGI**

*Bersama jayakan impian*

# 01

## PAKEJ BURGER ISTIMEWA SECARA ONLINE

Membuat burger secara pakej di rumah dan menyediakan servis penghantaran terus ke pelanggan. Promosi dan urusan tempahan dilakukan secara online. Menu yang pelbagai ala restoran makanan segera termasuk minuman berkarbonat.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini tidak memerlukan tambahan peralatan kerana kebanyakan peralatan sedia ada di rumah. Urusan pembelian secara online mampu memberi kelebihan masa kepada kedua-dua pihak. Turut tersedia ialah pakej promosi yang menarik di talian sesawang yang mampu menarik minat pelanggan.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan membuat burger
- Bahan-bahan membuat burger
- Langganan website/blog/aplikasi smartphone
- Motorsikal

### KHUSUS UNTUK

Suri rumah yang ingin menjana pendapatan tambahan



07

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga ala carte bermula dari RM1.50 sehingga harga pakej RM11.00 setiap set. Tiada caj penghantaran, hanya RM2.00 untuk di luar kawasan.

### SASARAN PELANGGAN

- Penduduk setempat
- Pekerja kilang

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **500**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **1,500**

Anggaran Jualan (Bulanan) **3,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,500**

# KUIH BAKAR KOYO-OBAR

Menjual kuih bakar seperti akok, cara berlauk dan bingka pulut yang dibakar dengan menggunakan peralatan koyo-obar dari MARDI. Dijual secara langsung dan juga berkemampuan menerima tempahan untuk kuantiti yang banyak.

## KELEBIHAN

Dengan menggunakan peralatan khas yang dipanggil koyo-obar, ianya mampu menghasilkan pelbagai kuih bakar untuk dijual secara panas dan segera. Peralatan ini juga berupaya untuk menghasilkan kapasiti pengeluaran kuih yang banyak di samping dapat mengekalkan kualiti produk dari segi saiz dan citarasa pelanggan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Bahan masakan
- Peralatan khas koyo-obar
- Lokasi jualan yang strategik

## KHUSUS UNTUK

Sesuai untuk semua orang untuk aktiviti secara sepenuh masa atau separuh masa



## HARGA PRODUK

RM1.00 untuk 3 biji kuih ( 5 biji untuk tempahan yang banyak)

## CARTA ALIR

PENYEDIAAN BAHAN-BAHAN  
KUIH-KUIH BAKAR

MEMBAKAR KUIH MENGGUNAKAN  
PERALATAN KOYO-OBAR

MENJUAL SECARA LANGSUNG /  
BORONG KEPADA PELANGGAN

MENERIMA BAYARAN

## SASARAN PELANGGAN

- Penggemar kuih-muih tradisional Melayu
- Pengusaha katering makanan Penganjur jamuan untuk majlis/mesyuarat

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **1,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **5,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **8,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **3,000**

# 03

## MENJUAL PIZA HOMEMADE

Penjualan piza ini dilakukan secara segera. Ianya dilaksanakan secara berkumpulan dan mendapat nasihat perniagaan dari pihak koperasi. Keseragaman dari segi menu, pakaian dan juga gerai jualan.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini berkonsepkan kerja berkumpulan dan perkongsian sumber. Dengan menggunakan operasi seragam (standard operation) yang sama menjadikan produk yang dihasilkan adalah berkualiti dan mendapat pulangan pendapatan yang lumayan.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Set gerai
- Ketuhar dan alatan membuat piza
- Bahan-bahan piza yang standard
- Lokasi strategik

### KHUSUS UNTUK

- Sesuai untuk semua orang secara sepenuh masa atau separuh masa
- Kelompok belia yang ingin menambah pendapatan



09

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga sekeping piza ialah RM17.00 manakala harga sepotong ialah RM2.50

### SASARAN PELANGGAN

- Pengunjung pasar malam
- Pengusaha catering makanan
- Penganjur majlis keramaian/ kenduri
- Keluarga di rumah

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	22,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	3,000
Anggaran Jualan (Bulanan)	13,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	10,000

# 04

## MENGELUARKAN MAKANAN BERASASKAN UBI KAYU

Memproses dan mengeluarkan pelbagai produk makanan berasaskan ubi kayu. Termasuk ubi sejukbeku berempah yang sedia dimasak.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini berasaskan pengeluaran produk makanan dari ubi kayu yang boleh di dapati secara mudah dan murah. Pilihan produk yang dihasilkan adalah agak menarik dan mampu menghasilkan pendapatan tambahan yang baik.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Sumber pembekal ubi mentah
- Peralatan dan kemudahan membuat pelbagai jenis masakan berasaskan ubi
- Lokasi strategik dan rakan untuk jualan dan edaran

### KHUSUS UNTUK

- Peniaga makanan sedia ada
- Suri rumah yang ingin menambah pendapatan



### HARGA PRODUK

Ubi mentah dijual sekitar RM2.50 – RM3.00 sekilo. Ubi sejukbeku berempah dijual RM5.50 1 pek (setengah kilo). Lain-lain produk tapai, bingka dijual purata RM2.00 untuk 1 pek.

### SASARAN PELANGGAN

- Peminat makanan berasaskan ubi
- Penggemar kerepek ubi
- Pengusaha kedai makan, kedai jualan makanan dan kantin
- Pengeluar makanan berasaskan ubi (ubi mentah)

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	750
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	650
Anggaran Jualan (Bulanan)	3,150
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	2,500

### CARTA ALIR



## KUIH PAU SEJUKBEKU ANEKA WARNA

Perkhidmatan membekalkan kuih pau ke majlis keramaian agar ia boleh dinikmati dalam keadaan yang masih panas dan lazat.



11



### KELEBIHAN

Aktiviti ini menyediakan perkhidmatan pembuatan dan penjualan kuih pau sejukbeku yang kreatif dan menepati citarasa pengguna. Ciri kelainan melalui kaedah pembungkusan yang menarik dan kualiti produk yang baik dan konsisten menjadikan ianya model perniagaan yang mampu berkembang dan berdaya maju.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Mesin pengukus
- Penyejuk beku
- Kanopi mudah alih

### KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambah pendapatan

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Kuih pau boleh dijual antara 30 ke 50 sen sebiji

### SASARAN PELANGGAN

- Penduduk setempat
- Pasaraya

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	300
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	2,000
Anggaran Jualan (Bulanan)	2,800
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	800

# KEREPEK TEMPE CRUNCH ANEKA RASA

Mengusahakan produk kerepek istimewa berasaskan tempe

## KELEBIHAN


Aktiviti ini berasaskan pengeluaran produk kerepek tempe yang menawarkan citarasa yang berbeza dan berkhasiat tinggi. Proses pembuatan yang menggunakan kaedah tradisional menjadikan produk ini berbeza dan dapat menjadi model perniagaan yang baik dan berdaya saing.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan membuat tempe crunch seperti kualiti, pengadun, dulang dan pemotong tempe
- Peralatan pembungkusan yang kedap udara

## KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambahkan pendapatan



12

## HARGA PRODUK

Harga bagi setiap 500gram tempe crunch boleh dijual dengan harga RM10.00

## SASARAN PELANGGAN

- Pasaraya
- Kedai makanan

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **500**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **1,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **2,500**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,500**

## CARTA ALIR

DAPATKAN PERSETUJUAN DENGAN KEDAI-KEDAI RUNCIT UNTUK MELETAKKAN PRODUK DI KEDAI MEREKA

PROSES MEMBUAT TEMPE ATAU MENDAPATKAN BEKALAN TEMPE

PROSES MEMBUAT TEMPE CRUNCH

PROSES PEMBUNGKUSAN

HANTAR KE KEDAI-KEDAI RUNCIT, ATAU JUAL SENDIRI

## KUDAPAN ISTIMEWA PERANCIS

Membuat dan menjual makanan atau kudapan dari negara luar seperti Macarons, yang merupakan sejenis kudapan dari Perancis.



13

### KELEBIHAN

Aktiviti ini menyediakan produk makanan berasaskan kudapan Perancis yang menarik dan lazat. Kelainan dari segi rasa dan bentuk menjadikan produk ini bertambah popular dan memberi pulangan yang baik kepada pengusaha.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan seperti ketuhar dan dulang
- Peralatan pembungkusan seperti bekas kedap udara

### KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Mereka yang gemar belajar resipi dari luar negara
- Mereka yang ingin menambah pendapatan

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga bergantung kepada bahan yang digunakan dan kerumitan produk yang dibuat. Untuk Macarons, ia boleh dijual antara RM30-35 bagi setiap 15 biji Macarons.

### SASARAN PELANGGAN

- Kenalan dan rakan
- Pasaraya
- Kedai makanan

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	2,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	1,500
Anggaran Jualan (Bulanan)	3,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	1,500

# MEMBUAT DAN MEMASARKAN SOS CHAR KUEY TIAW BUATAN SENDIRI

Membuat dan mengkomersilkan sos char kuey tiaw buatan sendiri kepada peniaga gerai dan restoran.

## KELEBIHAN


Aktiviti ini melibatkan pembuatan dan pemasaran sos char kuey tiaw buatan sendiri yang enak dan tahan lama. Perniagaan makanan berasaskan gorengan memerlukan penyediaan sos yang cepat dan berkualiti. Pembuatan sos resepi sendiri ini dapat menampung permintaan perniagaan yang tinggi terutamanya di kalangan peniaga gerai dan restoran.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan pembuatan seperti periuk, dapur, dan botol
- Peralatan pembungkusan seperti botol yang cantik untuk dikomersilkan

## KHUSUS UNTUK

- Peniaga makanan
- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



14

## HARGA PRODUK

Harga yang dikenakan bagi setiap 1 liter ialah RM25 manakala untuk setiap 500 liter pula boleh dijual dengan harga RM15.

## SASARAN PELANGGAN

- Pengusaha restoran atau gerai makanan
- Kedai runcit
- Stesen minyak

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	500
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	300
Anggaran Jualan (Bulanan)	1,500
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	1,200

## CARTA ALIR

PROSES MEMBUAT SOS CHAR KUEY TIAW

MEMBERIKAN SAMPEL SOS CHAR KUEY TIAW KEPADA PENGUSAHA GERAI DAN RESTORAN

MENDAPATKAN KEBENARAN PENGUSAHA GERAI DAN RESTORAN UNTUK MELETAKKAN SOS CHAR KUEY TIAW DI PREMIS MEREKA UNTUK DIJUAL

MENDAPATKAN TEMPAHAN DARI PENGUSAHA RESTORAN DAN GERAI

MENGHANTAR KEPADA PELANGGAN (PENGUSAHA RESTORAN DAN GERAI)

MENDAPATKAN BAYARAN

# MINUMAN COCONUT SHAKE ANEKA RASA

Coconut shake adalah minuman berasaskan buah kelapa yang segar dan diolah menjadi minuman yang sedap, sejuk dan menyegarkan.

## KELEBIHAN

Aktiviti ini berasaskan minuman coconut shake yang diadun khas dengan pelbagai perisa yang menarik. Citarasa dan resepi minuman ini adalah berkualiti tinggi tetapi dijual dengan harga yang murah. Model aktiviti ini boleh dicontohi dan mampu menjana pendapatan lumayan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Pengisar berkuasa tinggi
- Peralatan jualan
- Peralatan gerai

## KHUSUS UNTUK

- Mereka yang mempunyai minat dalam bidang minuman
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



15

## CARTA ALIR

MENDAPATKAN BEKALAN KELAPA  
DAN AKSESORI MINUMAN YANG  
MENCUKUPI DARI PEMBEKAL

MENYEDIAKAN BAHAN DAN  
KELENGKAPAN DI GERAI MINUMAN

MENYAMBUT PELANGGAN  
DAN MENGAMBIL PESANAN

PROSES MEMBUAT MINUMAN  
COCONUT SHAKE

JUALAN

## HARGA PRODUK

Harga setiap gelas boleh dijual antara RM2.00 ke RM3.00

## SASARAN PELANGGAN

- Pasar malam
- Pelajar sekolah
- Hari keluarga
- Hari sukan tahunan sekolah

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **2,500**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **2,300**

Anggaran Jualan (Bulanan) **7,800**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **5,500**

# PEMBUATAN MANISAN GULA KABUNG

Gula kabung dihasilkan melalui campuran gula putih dan gula merah, kemudian dibungkus di dalam daun kabung. Setiap gula kabung boleh dijual dengan harga RM2.80 ke RM3.00 setiap satu dan boleh dijual terus kepada pemborong atau dijual sendiri.

## KELEBIHAN

Pembuatan manisan gula kabung merupakan alternatif kepada gula kabung asli yang agak sukar untuk diperolehi. Dengan menggunakan peralatan yang khas, produk ini dapat dihasilkan dengan kuantiti yang banyak sebagai memenuhi permintaan pelanggan yang tinggi. Disebabkan penggunaan manisan gula kabung yang agak meluas, permintaan untuk produk ini adalah tinggi dan menjadikan model aktiviti ini sangat baik untuk di contohi dan mampu menjana pendapatan lumayan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Bahan utama iaitu gula merah dan gula putih, dan daun kabung.
- Peralatan pembuatan gula kabung seperti mesin pengacau dan bekas

## KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Ibu tunggal
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



16

## HARGA PRODUK

Setiap gula kabung boleh dijual dengan harga RM2.80 ke RM3.00 setiap satu.

## SASARAN PELANGGAN

- Pemborong manisan gula
- Pengusaha cendol
- Suri rumah

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **5,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **10,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **19,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **9,000**

## CARTA ALIR

MENDAPATKAN BAHAN MENTAH DARI PEMBEKAL

PENYEDIAAN BAHAN SEPERTI GULA MERAH DAN GULA PUTIH, SERTA DAUN KABUNG

MEMULAKAN PROSES PENYEDIAAN GULA KABUNG

PROSES MENYEJUKKAN GULA KABUNG YANG TELAH SIAP DIADUN

PEMBUNGKUSAN DENGAN MENGGUNAKAN DAUN KABUNG

SEDIA UNTUK DIHANTAR KEPADA PEMBORONG ATAU DIJUAL

# 11

## MEMBUAT DAN MEMBEKAL SERBUK PRODUK 'ICE BLENDED'

Membuat serbuk minuman 'ice blended' dalam pelbagai perisa seperti strawberi, coklat, mocha, yam, dan lain-lain lagi. Proses pembuatan boleh dibuat di rumah.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini menawarkan rantaian perniagaan 'ice blended' secara menyeluruh bermula dari pembuatan serbuk minuman hingga ke proses penjualan ice blended. Serbuk ice blended buatan bumiputera ini menawarkan pelbagai perisa yang menarik pada harga yang berpatutan

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Bekas kedap udara untuk menyimpan bahan mentah
- Bahan mentah yang terdiri dari serbuk perisa dan sebagainya
- Bekas daripada *aluminium foil* untuk pembungkusan dan label

### KHUSUS UNTUK

- Peniaga 'ice blended'
- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambah pendapatan

17



### CARTA ALIR

PEMBELIAN BAHAN MENTAH DAN BAHAN PEMBUNGKUSAN

PEMERIKSAN BAHAN KE BAHAGIAN MASING-MASING

PENYEDIAAN BAHAN MENTAH

KERJA ADUNAN PRODUK

KERJA TIMBANG DAN BUNGKUS PRODUK

KERJA MEMBERI LABEL KEPADA PRODUK

SEDIA UNTUK DIPASARKAN

### HARGA PRODUK

Harga dikenakan bergantung kepada kuantiti dan perisa iaitu antara RM15 hingga RM18 sekilo.

### SASARAN PELANGGAN

- Peniaga minuman ice blended
- Suri rumah

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **1,500**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **1,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **2,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,000**

# 12

## MEMBUAT DAN MENJUAL MAKANAN BAKERI SECARA ONLINE

Antara produk yang dijual adalah seperti kek, kek cawan, pavlova, durian crepe, red velvet, 'rainbow cake', kek yang ditempah khas mengikut pilihan pelanggan, dan sebagainya. Promosi yang dibuat secara online sangat membantu dalam memperkenalkan produk kepada orang ramai.

### KELEBIHAN

Kepelbagaian jenis makanan berbentuk kek dan roti memberi pilihan kepada pelanggan. Kek yang dihasilkan adalah menarik dan mempunyai kelainan kerana olahan dan rekaan adalah mengikut kreativiti sendiri dan mengikut citarasa dan pilihan pelanggan. Aktiviti promosi yang efektif secara online membantu menjana pendapatan yang konsisten dan lumayan.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan bakeri seperti mesin pengadun, oven, bekas, dan lain-lain lagi
- Bahan-bahan pembuatan seperti tepung, gula, pewarna, perisa, dan sebagainya

### KHUSUS UNTUK

- Mereka yang minat membuat kek dan roti
- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



### HARGA PRODUK

Harga dikenakan bergantung kepada jenis produk iaitu antara RM5.00 ke RM500.00.

### SASARAN PELANGGAN

- Pasaran siber
- Pengikut laman Facebook
- Kedai Makanan
- Pasaraya

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **2,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **15,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **30,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **15,000**

### CARTA ALIR

MEMBUAT SAMPEL KEK/ROTI

MENGAMBIL GAMBAR SAMPEL KEK/ROTI UNTUK DIMUATNAIK KE BLOG DAN FACEBOOK

MENERIMA TEMPAHAN PELANGGAN MELALUI EMAIL/PESANAN

MENGHUBUNGI PELANGGAN UNTUK MENENTUKAN JENIS DAN HARGA KEK/ROTI YANG DIINGINI

PROSES MEMBUAT KEK/ROTI

MENGHANTAR PADA PELANGGAN

MENERIMA BAYARAN

# PERNIAGAAN PENGHASILAN DAN PENJUALAN e-BOOK

Menghasilkan sendiri karya dan penulisan maya untuk dijual secara online. Juga menjual semula hak pemilikan sesuatu karya.



## KELEBIHAN

Aktiviti ini memberi ruang kebebasan untuk berkarya serta dapat berkongsi idea dan pandangan secara online khususnya panduan dan manual untuk golongan yang bergantung informasi secara maya. Kelebihan teknologi terkini menjadikan aktiviti penghasilan e-book ini menjadi lebih mudah dan boleh menjadi model aktiviti yang mampu menjana pendapatan tambahan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Komputer
- Aplikasi dan perisian berkaitan
- Langganan web/blog

## KHUSUS UNTUK

- Mereka yang mempunyai sesuatu kandungan untuk dikongsi
- Pelajar yang ingin mendapat pendapatan sampingan

## CARTA ALIR



## HARGA PRODUK

Harga e-book bergantung kepada kandungan karya. Harga adalah antara RM30 - RM50. Jika termasuk sistem *affiliate*, *minisiate* dan lesen penjualan balik (*resell right*) boleh melebihi RM100.

## SASARAN PELANGGAN

- Pelajar yang meminati judul/ bidang-bidang e-book berkaitan
- Pengusaha atau peniaga online yang memerlukan informasi berkaitan

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	2,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	100
Anggaran Jualan (Bulanan)	1,100
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	1,000

# PEMBUATAN KAPAL TERBANG KAWALAN JAUH

Pembuatan kapal terbang kawalan jauh buatan sendiri adalah berasaskan daya kreativiti dan inovatif yang boleh dikomersilkan

## KELEBIHAN

Aktiviti pembuatan kapal terbang kawalan jauh buatan sendiri ini adalah menarik kerana ianya memerlukan kos yang rendah dan senang untuk dihasilkan. Dengan populariti yang meningkat di semua lapisan masyarakat, aktiviti ini mampu bertahan lama dan menjamin pulangan pendapatan yang lumayan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- *Software Autocad* untuk melukis pelan
- Polystyrene
- Cat dan pelekat
- Alat avionik

## KHUSUS UNTUK

Mereka yang meminati kapal terbang kawalan jauh



20

## HARGA PRODUK

Harga setiap kapal terbang kawalan jauh dijual bergantung kepada saiz dan rekabentuk, iaitu antara RM100 ke RM1,500

## SASARAN PELANGGAN

Peminat kapal terbang kawalan jauh

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **480**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **960**

Anggaran Jualan (Bulanan) **2,400**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,400**

## CARTA ALIR

TERIMA TEMPAHAN DARIPADA PELANGGAN

MEMBUAT PELAN DARI MODEL YANG DITEMPAH MENGGUNAKAN AUTOCAD

PINDAH PELAN KE POLYSTYRENE

PROSES MEMBUAT KAPAL TERBANG (POLYSTYRENE DIPOTONG IKUT LAKARAN PELAN)

KEMASKAN DENGAN MENGGUNAKAN CAT ATAU PELEKAT WARNA

PEMASANGAN ALAT AVIONIK

PENYERAHAN KEPADA PELANGGAN

## MENJUAL BARANGAN KO-KURIKULUM DAN PAKAIAN SERAGAM DENGAN SULAMAN BERKOMPUTER

Memberi perkhidmatan menghasilkan barangan ko-kurikulum dan pakaian seragam dengan sulaman berkomputer. Sulaman komputer ini boleh menghasilkan apa sahaja lukisan seperti logo, huruf, dan sebagainya. Logo atau tulisan yang dihasilkan boleh disulam terus ke atas produk seperti baju, tuala, beg atau topi.

### KELEBIHAN

Memberi perkhidmatan menghasilkan barangan ko-kurikulum dan pakaian seragam dengan sulaman berkomputer. Sulaman komputer ini boleh menghasilkan apa sahaja lukisan seperti logo, huruf, dan sebagainya. Logo atau tulisan yang dihasilkan boleh disulam terus ke atas produk seperti baju, tuala, beg atau topi.

### APA YANG DIPERLUKAN?


- Mesin sulaman berkomputer
- Mesin jahit
- Peralatan jahitan seperti benang

### KHUSUS UNTUK

- Pengusaha di kawasan luar bandar
- Pengusaha kelengkapan sekolah



### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga produk bergantung kepada kuantiti, pilihan warna, dan saiz iaitu antara RM30 ke RM60 untuk setiap *master copy* dan RM5 dikenakan untuk setiap sulaman pada produk.

### SASARAN PELANGGAN

- Sekolah
- Pejabat kerajaan
- Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	5,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	200
Anggaran Jualan (Bulanan)	1,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	800

# PERKHIDMATAN RUMAH TRANSIT ANAK SEKOLAH

Transit anak-anak dibuat di suasana rumah sama ada untuk tempoh masa sesi sekolah pagi ke sekolah agama atau sementara menunggu ibubapa balik dari kerja.



## KELEBIHAN

Aktiviti rumah transit adalah suasana seperti rumah sendiri di mana makanan dan minuman disediakan. Untuk menambah keselesaan pelajar, rumah transit juga menyediakan ruang belajar, ruang bermain dan bilik-bilik persalinan. Kemudahan pengangkutan juga ada bagi yang memerlukan. Komitmen dan keprihatinan pengusaha akan mendapat lebih kepercayaan daripada para ibubapa.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Unit rumah yang sesuai dan strategik
- Kemudahan yang asas untuk transit

## KHUSUS UNTUK

Mereka yang tinggal berhampiran kawasan sekolah dan memiliki kediaman yang sesuai.

## HARGA PRODUK

Perkhidmatan untuk satu sesi (pagi/petang) ialah RM150 sebulan termasuk makan minum. Sesi penuh RM240. Caj pengangkutan RM30

## SASARAN PELANGGAN

- Ibubapa yang bekerja
- Ibubapa yang sekali sekala mempunyai urusan

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)


Kos Permulaan **2,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **5,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **10,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **5,000**

## CARTA ALIR



## PERKHIDMATAN PENGHANTARAN BARANG RUNCIT KEPADA AHLI KOMUNITI

Perkhidmatan penghantaran barang keperluan rumah di kawasan komuniti setempat seperti di taman perumahan, kampung dan sebagainya. Pelanggan akan menerima pakej barangan keperluan yang ditentukan secara tetap setiap bulan.



### KELEBIHAN

Aktiviti ini menawarkan perkhidmatan di mana pelanggan tidak perlu ke kedai untuk membeli barangan keperluan asas bulanan antaranya seperti beras, gula dan minyak. Penghantaran pakej makanan akan dilakukan kepada ahli komuniti berdaftar secara bulanan di samping memberi insentif kepada ahli komuniti berdaftar seperti hadiah keraian, khairat kematian dan lawatan sosial.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Kumpulan komuniti yang sedia menyertai perkhidmatan
- Kenderaan penghantaran

### KHUSUS UNTUK

- Penduduk pangsapuri
- Pengusaha barangan runcit sedia ada
- Individu yang ada mempunyai info komuniti

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Perkhidmatan langganan sebanyak RM50 sebulan termasuk barangan asas dan hadiah kebajikan serta lawatan. RM30 untuk barangan asas sahaja

### SASARAN PELANGGAN

- Orang ramai di kawasan penempatan
- Ibu-ibu tunggal yang memerlukan sokongan perkhidmatan
- Prospek pembekal produk

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	200
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	2,000
Anggaran Jualan (Bulanan)	2,500
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	500

# JURUGAMBAR JALANAN/'STREET PHOTOGRAPHER'

Perkhidmatan ditawarkan di sekitar kawasan pelancongan, terutama pada hujung minggu dan cuti. Pemilihan dan rundingan perkhidmatan dibuat secara langsung dan akan berkhidmat mengikut keperluan pelanggan.

## KELEBIHAN

Aktiviti ini dilakukan secara proaktif dalam mendekati pelanggan untuk menawarkan perkhidmatan jurufoto bebas. Melalui pendekatan pelanggan yang profesional dan mesra, jurugambar jalanan dapat memberikan perkhidmatan secara cepat dan murah mengikut kehendak pelanggan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Set kamera DSLR yang sesuai mengikut tahap kemahiran
- Lokasi tarikan pelancong
- Komputer riba - untuk kemudahan memindah data
- Penyimpanan *mobile data*

## KHUSUS UNTUK

Individu yang mempunyai kemahiran asas kamera dan fotografi



## HARGA PRODUK

RM500 dikenakan untuk perkhidmatan sehari. Harga untuk jangka masa pendek ialah antara RM80 - RM100

## SASARAN PELANGGAN

- Pelancong di lokasi pelancongan
- Kumpulan famili atau rakan-rakan yang memerlukan khidmat profesional
- Penganjur acara-acara khas

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **3,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **1,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **2,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,000**

## CARTA ALIR

BERSEDIA DENGAN KAMERA  
DAN PERALATAN

BERADA DI KAWASAN  
STRATEGIK PELANGGAN

RUNDINGAN DENGAN PELANGGAN

MEMBERI PERKHIDMATAN  
FOTOGRAFI

MAKLUMBALAS DAN  
PROSES MEMINDAH DATA


MENYERAH DATA DAN  
MENERIMA BAYARAN

## PERKHIDMATAN PENTERJEMAHAN BAHASA

Perkhidmatan penterjemahan kepada industri atau institusi untuk manual atau bahan dokumen dari suatu bahasa kepada suatu bahasa yang dikehendaki. Ia mudah dilakukan walaupun di rumah.



25



### KELEBIHAN

Aktiviti penterjemahan mudah dilakukan sama ada di rumah atau boleh dilakukan pada bila-bila masa. Pelanggan lebih mudah berurusan dengan penterjemah persendirian kerana ianya lebih fleksibel dan efisien kerana segala keperluan diuruskan secara online. Kemahiran dan rujukan bahasa sentiasa bertambah, ini dapat meningkatkan kecekapan dan kepantasan di dalam proses penterjemahan.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Komputer
- Rujukan bahasa/kamus bagi memastikan ketepatan terjemahan

### KHUSUS UNTUK

Suri rumah atau pesara yang ada kemahiran dalam pelbagai bahasa

1.Messrs . Nissan Sathio, Okayama Co. Ltd 122-1, Nishi-Nagase, Okayama-shi, Okayama-Ken 700-0905 Japan	1 〒700-0905 岡山県岡山市西長瀬122-1 朝日産サチオ 岡山
2 Faren Shiga Co. Ltd. 3-33, Sagami-Machi, Otsu-shi, Shiga-ken 520-0816 Japan	2 〒520-0816 滋賀県大津市榎町3-33 (株)ファレン滋賀
3 Nigata Yanase Co. Ltd. 4-8, Sakuragi-cho, Nigata-shi, Nigata-ken, 950-0949 Japan	3 〒950-0949 新潟県新潟市桜木町4-8 新潟ヤナセ (株)
4 Fuji Heavy Industry Co. Ltd. 6, Asahi-machi Oota-shi, Gunma-ken, 373-0814 Japan	4 〒373-0814 群馬県太田市朝日町6番地 富士重工株

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Purata kadar harga ialah RM100 setiap muka bergantung kepada kandungan dan diagram

### SASARAN PELANGGAN

- Industri yang melibatkan manual atau bahan dari bahasa asing
- Syarikat yang mempunyai ekspatriat atau pekerja asing
- Penerbit buku atau laporan

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **1,500**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **500**

Anggaran Jualan (Bulanan) **4,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **3,500**

# PEMBUATAN GIGI PALSU DARI RUMAH (HOME-BASED)

Aktiviti membuat gigi palsu yang dibuat di rumah. Proses membuat gigi penuh mengambil masa selama 3 minggu manakala 10 batang ke bawah mengambil masa 1 minggu. Pembuatan gigi palsu yang berkualiti memerlukan pengalaman dan peralatan yang mencukupi.

## KELEBIHAN

Pembuatan gigi palsu secara 'home-based' merupakan satu aktiviti yang unik dan menarik. Walaupun aktiviti ini memerlukan peralatan dan kemahiran yang spesifik, ianya boleh dipelajari dan dicontohi. Model aktiviti ini mampu bertahan dan menjana pulangan yang baik memandangkan produk ini mempunyai permintaan yang tinggi dan berterusan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Bahan pembuatan gigi palsu
- Peralatan pembuatan gigi palsu
- Kerusi baring

## KHUSUS UNTUK

- Mereka yang ada pengalaman dalam bidang pembuatan gigi palsu
- Mereka yang berminat



## HARGA PRODUK

Harga sebatang gigi RM15, dan plastik RM90. Harga bagi set gigi palsu penuh adalah RM600

## SASARAN PELANGGAN

- Warga tua
- Mereka yang memerlukan gigi palsu

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **4,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **1,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **2,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,000**

## CARTA ALIR

MENGAMBIL UKURAN GIGI PELANGGAN

MEMBUAT ACUAN

PROSES PEMBUATAN GIGI PALSU

PENCUBAAN & PEMBAIKAN

SEDIA UNTUK DISERAHKAN

## MEMBUAT PERALATAN PEMULIHAN OKU

Menginovasi, membuat dan menyelenggara peralatan bantuan dan pemulihan untuk orang kelainan upaya (OKU) dan yang memerlukan.



### KELEBIHAN

Aktiviti inovatif ini adalah berasaskan pembuatan peralatan kegunaan OKU yang lebih praktikal dan murah. Dengan berlandaskan konsep penyelenggaraan yang mudah dan boleh diubahsuai semula menjadikan aktiviti ini boleh bertahan lama dan mampu untuk dicontohi.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Asas pengetahuan mengenai sesuatu bidang pembuatan
- Peralatan dan ruang bengkel
- Rekaan sesuatu alatan

### KHUSUS UNTUK

Sesuai untuk semua orang secara sepenuh masa atau separuh masa

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga setiap alatan adalah berbeza-beza mengikut jenis alatan. Harga adalah di antara RM60 - RM5000. Untuk penyelenggaraan purata RM500.

### SASARAN PELANGGAN

- Hospital dan klinik berkaitan
- Pakar Fisioterapi
- Individu yang memerlukan alatan bantuan dan pemulihan
- Kedai-kedai berkaitan

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	5,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	2,500
Anggaran Jualan (Bulanan)	4,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	1,500

# KARAOKE BERGERAK

Menyediakan perkhidmatan karaoke bergerak sama ada untuk majlis keramaian atau premis perniagaan makanan untuk menghiburkan tetamu atau pelanggan



## KELEBIHAN

Aktiviti ini dapat menyediakan pentas hiburan di tempat atau kawasan yang memerlukan secara mudah dan tidak memerlukan pembelanjaan yang tinggi. Model aktiviti ini juga boleh dikembangkan ke majlis perkahwinan dengan kadar caj yang tertentu.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Set karaoke yang lengkap
- CD atau VCD karaoke yang asli

## KHUSUS UNTUK

- Mereka yang ingin menambah pendapatan
- Mereka yang berada di lokasi yang kurang tempat hiburan



## HARGA PRODUK

Caj dikenakan untuk setiap lagu yang dinyanyikan antara RM1.00 – RM1.50

## SASARAN PELANGGAN

- Tetamu majlis
- Pelanggan di premis makanan

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **15,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **400**

Anggaran Jualan (Bulanan) **1,300**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **900**

## CARTA ALIR

PENYEDIAAN PERALATAN KARAOKE YANG LENGKAP

MENDAPATKAN TEMPAHAN

BERGERAK KE LOKASI TEMPAHAN

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

MENERIMA BAYARAN

## PEMANDU PELANCONG BEBAS

Menguruskan perjalanan pelancong dari dalam dan luar negara dengan menunjukkan tempat-tempat yang menarik di kawasan sekitar, menguruskan penginapan beserta pengangkutan dan makan minum, serta menyediakan persembahan kebudayaan yang diuruskan bersama dengan persatuan kebudayaan setempat. Sekiranya terdapat pelancong asing yang memerlukan jurubahasa, perkhidmatan jurubahasa juga boleh disediakan.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini merupakan inisiatif dan kegigihan pemandu pelancong yang bergiat secara bebas untuk menyediakan pakej pelancongan berasaskan keunikan dan kecantikan suasana setempat. Model aktiviti ini boleh diubah suai mengikut citarasa pelanggan dan kreativiti pemandu pelancong dalam destinasi pelancongan baru.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Pengetahuan geografi dan sejarah berkenaan tempat sekitar
- Mengenali penduduk setempat yang boleh menyediakan rumah tumpangan dan persembahan kebudayaan, serta jurubahasa.

### KHUSUS UNTUK

Penduduk tempatan yang ingin menambah pendapatan



### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga dikenakan bergantung kepada pakej yang diambil serta kawasan yang dilawati.

### SASARAN PELANGGAN


Pelancong dari dalam dan luar negara

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	200
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	300
Anggaran Jualan (Bulanan)	900
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	600

## PERKHIDMATAN PENGHANTARAN BARANGAN KEPERLUAN KEPADA PENIAGA DAN PENDUDUK SEKITAR

Perkhidmatan penghantaran barang keperluan dan makanan kepada peniaga dan penduduk sekitar boleh dilakukan di kawasan kolej atau universiti. Peniaga biasanya sibuk dengan aktiviti perniagaan harian dan tiada kesempatan untuk membeli barang keperluan. Oleh itu, perkhidmatan seperti ini sangat diperlukan oleh para peniaga khususnya jika petempatan adalah di kawasan pedalaman.



### KELEBIHAN

Aktiviti ini adalah berasaskan daya inisiatif dan kegigihan dalam memenuhi kehendak pelanggan. Dengan berlandaskan promosi yang meluas dan pengetahuan jaringan perniagaan yang baik, aktiviti ini mampu menjana pendapatan jualan yang konsisten dan baik.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Motosikal atau kereta
- Telefon bimbit

### KHUSUS UNTUK

- Golongan muda lepasan sekolah
- Mereka yang ingin menambah pendapatan

### HARGA PRODUK

Caj perkhidmatan dikenakan antara RM0.50 ke RM25, bergantung kepada barang yang dikehendaki oleh pelanggan

### SASARAN PELANGGAN

- Peniaga setempat
- Pelajar kolej / asrama

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **1,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **500**

Anggaran Jualan (Bulanan) **1,500**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,000**

### CARTA ALIR

MEMBUAT PROMOSI DENGAN MENGEDARKAN RISALAH KEPADA PENIAGA & PENDUDUK SEKITAR

MENERIMA PESANAN MELALUI SMS/TELEFON

PERGI KE KEDAI/PASAR UNTUK MENDAPATKAN BARANG SEPERTI YANG DIMINTA OLEH PELANGGAN

MEMBUAT PENGHANTARAN KEPADA PELANGGAN DAN MENDAPATKAN BAYARAN



## PERKHIDMATAN JARINGAN PENGANGKUTAN LORI SEWA

Jaringan pengangkutan lori sewa melibatkan perkongsian informasi sesama pemandu dalam memenuhi permintaan pelanggan yang pelbagai.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini menawarkan perkhidmatan jaringan lori sewa yang boleh dilakukan pada hujung minggu atau waktu malam sebagai memenuhi permintaan pelanggan. Jaringan informasi dan promosi perkhidmatan yang meluas menjadikan model aktiviti ini mampu berdaya maju dan mendatangkan pendapatan lumayan.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Lori 1 tan
- Lesen memandu vokasional (VDL) atau lesen memandu komersil
- Lesen memandu kelas E

### KHUSUS UNTUK

- Mereka yang memegang lesen memandu vokasional (VDL) dan lesen kelas E.
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



31

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Caj dikenakan bergantung kepada jarak iaitu antara RM80 ke RM100 untuk setiap 10km.

### SASARAN PELANGGAN

- Orang yang berpindah tempat kediaman
- Pengurus majlis (event manager)
- Syarikat-syarikat logistik yang kecil

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	23,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	200
Anggaran Jualan (Bulanan)	2,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	1,800

## PERKHIDMATAN MENGAMBIL VIDEO UNTUK PELBAGAI MAJLIS

Perkhidmatan mengambil video untuk majlis keramaian seperti majlis perkahwinan dan sebagainya. Selain itu, turut menyediakan perkhidmatan menghasilkan muzik video atau video klip dan diolah dengan kreativiti sendiri. Video ini kemudiannya boleh dipromosikan di laman Youtube.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini melibatkan penghasilan video mengikut kreativiti sendiri. Perkhidmatan seperti ini boleh juga dipelbagaikan dengan memberi khidmat penulisan jalan cerita untuk video yang ingin dihasilkan. Penghasilan video yang jelas dari segi visual dan audio, serta jalan cerita yang jelas adalah pengukur kepada kualiti setiap video yang dihasilkan

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Kamera HD/SLR
- Peralatan penggambaran video seperti lampu, tripod, dan lensa yang bersesuaian
- Komputer dan perisian untuk pengolahan video

### KHUSUS UNTUK

- Mereka yang mempunyai pengetahuan dalam penggambaran video
- Mereka yang kreatif dalam pembikinan jalan cerita dan olahan video



### HARGA PRODUK

Caj yang dikenakan untuk setiap penggambaran video bergantung kepada tempoh masa dan kerumitan, iaitu di antara RM2,000 ke RM8,000

### SASARAN PELANGGAN

- Pengurus majlis
- Penyanyi dan selebriti
- Acara nyanyian desa

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	3,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	4,000
Anggaran Jualan (Bulanan)	9,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	5,000

### CARTA ALIR



## PERKHIDMATAN MEMBUAT FLIPILET

*Fliplet* ialah aktiviti yang membolehkan pergerakan atau video yang ditransformasikan menjadi 50 helai buku flip. Pengguna boleh melihat semula pergerakan video tadi dengan menyelak 50 helai kertas yang telah dibukukan. Dengan pengetahuan dalam bidang grafik dan multimedia, perisian boleh diadaptasi dan dimanipulasi untuk menghasilkan fliplet tanpa perlu membeli mesin yang mahal.

### KELEBIHAN

Aktiviti *fliplet* menjadikan gambar biasa kini nampak luar biasa kerana ia boleh bergerak apabila diselak. Kaedah *fliplet* sangat sesuai untuk merakam saat istimewa seperti majlis hari jadi, perkahwinan, pertunangan, graduasi, dan banyak lagi. *Fliplet* juga sesuai dijadikan hadiah atau cenderamata untuk orang terdekat.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan seperti pemotong automatik, pencetak dan stapler.
- Bahan utama seperti kamera, perisian dan komputer.

### KHUSUS UNTUK

Mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang grafik dan multimedia



### CARTA ALIR

### HARGA PRODUK

Harga yang dikenakan bergantung kepada pakej, kuantiti pergerakan yang dibuat dan tahap kesulitan dalam pembuatan, iaitu antara RM1,000 ke RM5,000

### SASARAN PELANGGAN

- Pasaran siber
- Bakal pengantin
- Pengurus majlis

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	10,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	1,000
Anggaran Jualan (Bulanan)	3,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	2,000

MENDAPAT TEMPAHAN PELANGGAN

PERBINCANGAN KEHENDAK PELANGGAN DAN PENETAPAN HARGA

MENDAPATKAN BAYARAN PENDAHULUAN

PERBINCANGAN DENGAN KUMPULAN DAN PEMBAHAGIAN TUGAS

PENYEDIAAN PERALATAN

PROSES MENGAMBIL GAMBAR PADA MAJLIS/PHOTOSHOOT

MENYUNTING

MEMINTA BAKI BAYARAN

MENYERAHKAN FLIPILET PADA PELANGGAN

# KELAS MASAKAN

Dengan pengetahuan yang ada dalam bidang masakan boleh dikongsikan dengan mereka yang ingin belajar memasak dan ingin mempelbagaikan kepakaran mereka dalam bidang masakan. Terdapat pelbagai jenis masakan yang boleh dipelajari contohnya seperti masakan Barat, Asia, pencuci mulut dan sebagainya.



## KELEBIHAN

Aktiviti ini berasaskan perkongsian kepakaran melalui sesi kelas latihan secara terbuka. Pengalaman dan kepakaran individu dalam bidang masakan boleh menjadi peluang menjana pendapatan dengan mengadakan sesi kelas masakan kepada orang ramai yang berminat. Dengan promosi yang menarik dan gaya persembahan yang baik, aktiviti ini mampu menjana pendapatan yang lumayan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Dapur yang luas dan sesuai untuk dijadikan kelas
- Peralatan masakan yang mencukupi seperti kualiti, ketuhar, pinggan mangkuk dan sebagainya
- Bahan masakan

## KHUSUS UNTUK

- Mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang masakan
- Mereka yang ingin berkongsi kepakaran bersama orang lain



## HARGA PRODUK

Caj untuk setiap kelas yang dikenakan adalah bergantung kepada harga bahan-bahan bagi menu yang akan diajar iaitu antara RM80 ke RM150 setiap seorang.

## SASARAN PELANGGAN

- Suri rumah
- Golongan remaja
- Komuniti setempat

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **10,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **2,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **9,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **7,000**

## CARTA ALIR

MENGIKLANKAN MENU YANG AKAN DIAJAR DI DALAM KELAS MASAKAN

MENERIMA TEMPAHAN KELAS

MENGADAKAN KELAS SEPERTI YANG DIJANJIKAN

MENDAPATKAN BAYARAN

## MENJUAL DAN MEMPROMOSI BUKU SECARA ONLINE

Aktiviti menjual buku secara online yang membekalkan bahan bacaan terbitan dalam dan luar negara, alat tulis, dan bahan bantuan mengajar. Selain itu, aktiviti ini boleh juga menyediakan perkhidmatan mencari buku yang sukar didapati untuk pelanggan.

### KELEBIHAN



Aktiviti ini menyediakan platform untuk memberi pendedahan dan promosi berkaitan kandungan buku terpilih secara lebih praktikal dan menarik. Aktiviti ini mampu menjana pendapatan tambahan di samping memupuk budaya membaca di kalangan masyarakat.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Laman web yang efisien
- Perhubungan dengan pembekal buku

### KHUSUS UNTUK

- Mereka yang celik IT
- Mereka yang minat membaca
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga setiap buku dikenakan kenaikan antara 10% ke 20%, bergantung kepada tahap kesukaran mencari buku dan harga jual buku tersebut dari pembekal

### SASARAN PELANGGAN

- Semua lapisan masyarakat
- Pasaran siber
- Golongan remaja

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	7,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	200
Anggaran Jualan (Bulanan)	1,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	800

# TERNAKAN UDANG KARANG (LOBSTER) SECARA AQUAPONIK

Ternakan udang karang menggunakan kaedah aquaponik. Disamping itu sistem ini juga membolehkan penanaman sayur-sayuran berskala kecil.

## KELEBIHAN

Menggunakan kaedah yang murah untuk menghasilkan udang karang yang mahal di pasaran. Sistem aquaponik ini boleh ditempatkan di rumah dan ini memudahkan penjagaan dan penyeliaan. Ia juga mudah diselenggara dan menjadikan udang karang tidak berbau. Kaedah 2 dalam 1 ini agak menarik kerana sayur-sayuran seperti kangkung, sawi dan cili juga boleh dihasilkan untuk pendapatan tambahan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Sistem aquaponik mengikut saiz (miniature - RM100)
- Benih udang karang atau pasangan udang karang
- Ruang minima 3'x3'
- Sumber air dan elektrik

## KHUSUS UNTUK

- Sesuai untuk semua orang secara sepenuh masa atau separuh masa
- Peminat peliharaan akuarium



## HARGA PRODUK

Harga udang karang dijual mengikut saiz dengan harga sekitar RM20 - RM80 seekor. Purata harga saiz matang ialah RM50.

## SASARAN PELANGGAN

- Individu penggemar udang karang
- Restoran makanan
- Peminat peliharaan akuarium
- Projek kurikulum sekolah

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **100**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **300**

Anggaran Jualan (Bulanan) **1,500**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,200**

## CARTA ALIR

PEMASANGAN SISTEM AQUAPONIK

MEMASUKKAN BENIH UDANG KARANG

MENGAMBIL UDANG KARANG MATANG

PENJUALAN UDANG KARANG SECARA LANGSUNG KEPADA PELANGGAN

PENERIMAAN BAYARAN

## TANAMAN SALAD HIJAU 'GREEN CORAL' SECARA FERTIGASI

Tanaman salad Green Coral secara teknik fertigasi di halaman rumah. Hasil pengeluaran adalah sangat bernilai dan mendapat permintaan tinggi.



### KELEBIHAN

Aktiviti penanaman ini tidak memerlukan keluasan tanah yang luas dan dengan menggunakan teknik fertigasi ianya menjadi lebih efektif dan mampu menjana pendapatan lumayan. Tanaman ini juga segar dan bebas dari penggunaan bahan kimia.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Ruang minima 10' x 10'
- Bumbung plastik pelindung sinaran matahari
- Alatan dan sistem fertigasi
- Benih salad

### KHUSUS UNTUK

- Semua orang secara sepenuh masa atau separuh masa
- Individu ingin menambah pendapatan dan ada ruang penanaman



37

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Salad dijual dengan harga RM2.00 termasuk pot bagi membezakan dengan salad dari tanah tinggi/ impot

### SASARAN PELANGGAN

- Individu penggemar sayuran segar dan tanpa bahan kimia/ racun
- Pengunjung pasar tani
- Pengusaha restoran/kantin
- Rakan-rakan pejabat dan jiran-jiran

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	4,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	400
Anggaran Jualan (Bulanan)	1,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	600

# TANAMAN BUNGA MELUR SECARA KOMERSIL

Penanaman bunga melur di halaman rumah atau di kawasan khusus boleh digunakan untuk menjana pendapatan melalui penjualan untuk kegunaan keagamaan bagi masyarakat India. Selain itu, bunga melur juga boleh digunakan sebagai pati wangian.



## KELEBIHAN

Penanaman pokok bunga melur merupakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan tambahan disebabkan kadar permintaan yang tinggi dan bekalan yang berkurangan. Kadar pengeluaran bunga yang tinggi dan kos penjagaan yang rendah menjadikan aktiviti ini satu model yang boleh dicontohi.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Ruang tanah lapang yang mencukupi
- Anak pokok untuk memulakan tanaman
- Peralatan pemeliharaan pokok bunga seperti baja

## KHUSUS UNTUK

Mereka yang mempunyai halaman rumah yang luas atau tanah lapang



## HARGA PRODUK

Harga bunga melur yang kuncup boleh dijual dengan harga antara RM4.50 ke RM6.00 setiap cupak.

## SASARAN PELANGGAN

- Pengusaha kedai bunga
- Pusat keagamaan kaum India
- Pengilang minyak wangi

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **200**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **200**

Anggaran Jualan (Bulanan) **1,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **800**

## CARTA ALIR

MENANAM ANAK POKOK SEMAIAN BERUSIA 1 BULAN DAN KE ATAS

PENJAGAAN TANAMAN

PUNGUTAN BUNGA MELUR SETIAP HARI

JUALAN

# TANAMAN CENDAWAN TIRAM KELABU DAN JUALAN CENDAWAN GORENG

Penanaman cendawan dibuat di kawasan rumah dengan hasil pungutan sekitar 5kg sehari untuk 8 hari berturut, dan pungutan kedua boleh dilakukan selepas rehat 10 hari. Cendawan yang dipungut boleh dijual terus secara mentah atau boleh dijual sebagai cendawan goreng di lokasi tertentu.

## KELEBIHAN

Aktiviti penanaman cendawan adalah menarik kerana ia tidak memerlukan kawasan yang luas dan dapat memberi pulangan yang baik secara konsisten. Hasil pengeluarannya yang boleh dipelbagaikan menjadikannya model aktiviti yang baik untuk dicontohi.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Rumah cendawan bersaiz 10' x 10'
- Minima 100 beg media cendawan
- Peralatan pungutan hasil

## KHUSUS UNTUK

- Pesara
- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambahkan pendapatan



## CARTA ALIR

MENGISI KAPAS DALAM BEG

SUNTIKAN BENIH  
KE DALAM BEG MEDIA CENDAWAN

PEMERAMAN DALAM GELAP  
UNTUK 40-60 HARI

BUKA PENUTUP BEG MEDIA CENDAWAN

PUNGUTAN CENDAWAN

BERSIHKAN DAN PROSES PEMBUNGKUSAN

SEDIA UNTUK DIJUAL ATAU DIGORENG

## HARGA PRODUK

Harga jualan cendawan antara RM8.00 ke RM10.00 sekilo. Untuk cendawan goreng yang dijual ditepi jalan, harga jualan adalah RM1.00 secukupnya untuk 3 keping cendawan

## SASARAN PELANGGAN

- Pemborong sayur-sayuran
- Pasaraya / Pasar pagi
- Peniaga makanan goreng

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **480**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **1,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **2,400**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,400**

# PENTERNAKAN BENIH IKAN SIAKAP

Penternakan benih ikan siakap dilakukan di dalam kolam tanah seluas 100'x25'. Proses bermula dengan pembelian telur ikan siakap dan dimasukkan kedalam kolam untuk pembiakan sehingga mencapai saiz berukuran 5 inci yang kemudian akan dijual kepada penternak ikan siakap komersil. Untuk aktiviti yang optimum 3 kolam diperlukan untuk tujuan pengasingan ikan sebelum dijual.

## KELEBIHAN

Penternakan benih ikan siakap merupakan satu aktiviti akuakultur yang menarik dan mampu untuk dicontohi. Aktiviti penternakan benih tidak memerlukan kos yang tinggi kerana jangkamasa penternakan yang pendek dan keluasan kolam yang sederhana. Disebabkan pasaran ikan siakap yang tinggi, permintaan untuk benih ikan siakap juga meningkat dan menjadikan model perniagaan ini dapat bertahan lama dan menjana pendapatan yang lumayan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Kolam
- Enjin air, enjin angin, lampu, dan pukot.

## KHUSUS UNTUK

- Golongan belia
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



**Benih Ikan Siakap**

Harga: **RM1.20**

**Huraian:**  
Kami menjual benih ikan siakap putih pada harga mengikut saiz  
Saiz 4 inci = RM1.20  
Saiz 5-6 inci = RM1.40

Harga adalah di kolam, TIDAK termasuk kos penghantaran.  
Minima tempahan:  
- Sekitar Kelantan adalah 2,000 ekor  
- Luar Kelantan adalah 5,000 ekor  
(tertakluk pada stok)

40

## HARGA PRODUK

Benih ikan siakap dijual pada harga RM1.20 – RM1.40 bergantung kepada saiz

## SASARAN PELANGGAN

Penternak komersil ikan siakap

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **2,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **2,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **3,500**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,500**

## CARTA ALIR

BELI TELUR IKAN  
DAN LETAK DALAM KOLAM

PROSES PENETASAN SELAMA 2 MINGGU

PENETASAN TELUR

PEMBESARAN BENIH IKAN

PENJUALAN BENIH (SAIZ 5INCI)

## MEMBUAT DAN MEMBEKAL BAJA HAIWAN

Pembuatan baja haiwan dilakukan menggunakan kaedah pemerapan bahan bahan seperti nenas dicampur dengan yis, gula merah, santan, asid laktik dan air. Kegunaan produk ini ialah untuk tumbesaran dan penjagaan haiwan peliharaan.



### KELEBIHAN

Aktiviti ini berasaskan formulasi organik sebagai bahan rawatan haiwan yang agak unik dan menarik. Dengan kos bahan mentah yang minima dan proses pembuatan yang ringkas, aktiviti ini mampu dicontohi dan dapat menjana pendapatan tambahan yang lumayan.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Bahan pembuatan baja
- Peralatan pembuatan seperti tempat untuk pemerapan bahan

### KHUSUS UNTUK

Mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang pertanian

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Produk boleh dijual pada harga RM25.00 untuk setiap 1 liter.

### SASARAN PELANGGAN

- Penternak haiwan
- Pusat veterinar
- Pemilik haiwan belaan

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	500
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	7,000
Anggaran Jualan (Bulanan)	15,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	8,000

## SABUN ASLI BUATAN SENDIRI

Pembuatan sabun buatan sendiri yang unik berasaskan minyak, herba dan wangian asli. Motif dan kreativiti sabun adalah berasaskan inspirasi dan inovasi.

### KELEBIHAN

Sabun herba buatan sendiri ini hanya menggunakan bahan semulajadi dan ianya juga mengandungi Glycerin yang dapat memelihara kulit tanpa sebarang kesan negatif. Ianya juga boleh dibentuk mengikut kesesuaian dan pilihan pelanggan. Sabun ini boleh ditempah dan digubah mengikut kesesuaian fungsi majlis.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Bahan-bahan asli sabun
- Alatan memasak dan membancuh
- Acuan dan pembungkus

### KHUSUS UNTUK

- Pengusaha produk barangan asli
- Suri rumah yang berminat



### HARGA PRODUK

Harga adalah pelbagai mengikut saiz, bahan dan wangian. Sabun pada saiz dan bahan yang standard dijual pada harga RM18.00 sebuku.

### SASARAN PELANGGAN

- Peminat produk asli dan tanpa bahan kimia
- Pengguna yang sensitif kepada sabun biasa
- Pengusaha spa dan pusat rawatan

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	3,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	500
Anggaran Jualan (Bulanan)	2,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	1,500

### CARTA ALIR



## SPA BERGERAK

Spa bergerak adalah perkhidmatan spa yang disediakan ke rumah pelanggan secara terus. Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah seperti urutan, *manicure*, *pedicure*, *body scrub*, pemangkasan alis, rawatan muka, dan *threading* muka dan kaki.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini menyediakan perkhidmatan spa bergerak yang komprehensif dan menepati citarasa pelanggan. Pelanggan dapat menjimatkan masa dan tenaga untuk mendapatkan perkhidmatan ini yang disediakan secara terus ke rumah. Pakej yang komprehensif dan berkualiti dapat menjamin kelangsungan aktiviti ini dan pulangan pendapatan yang lumayan.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan spa seperti kerusi mudah alih, beg yang boleh menyimpan barangan yang digunakan untuk tujuan perkhidmatan.
- Barangan penjagaan wajah, *manicure* dan *pedicure*.

### KHUSUS UNTUK

- Perempuan
- Suri rumah



43

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga bergantung kepada lokasi dan harga produk yang digunakan. Anggaran harga bagi setiap perkhidmatan adalah seperti di bawah:

**Urutan (2jam) = RM60, Pedicure = RM50  
 Manicure = RM30 ,  
 Pemangkasan alis = RM10,  
 Body scrub = RM50,  
 Rawatan muka (2jam) = RM50**

### SASARAN PELANGGAN

- Wanita
- Golongan yang bekerja dan tiada masa untuk pergi ke pusat kecantikan

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	500
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	1,000
Anggaran Jualan (Bulanan)	6,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	5,000

## JAHITAN BARUT BAYI 5 JARI



Menjahit barut 5 jari adalah bercirikan inovasi dari barut tradisional atau yang dijual secara komersil. Diperbuat daripada kain yang berkualiti tinggi dan pelbagai warna yang menarik.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini boleh dilakukan di rumah berasaskan pembuatannya yang tidak rumit dan tidak memerlukan bahan yang banyak. Kelebihan produk ini berbanding barut biasa adalah disebabkan kualiti kain dan ianya juga boleh diubahsuai mengikut kesesuaian warna dan corak mengikut pilihan pelanggan.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Mesin jahit biasa
- Bahan-bahan seperti benang dan kain mengikut corak yang diperlukan

### KHUSUS UNTUK

- Sesuai untuk tukang jahit untuk menambah pendapatan yang ada
- Surirumah atau yang bekerja



### HARGA PRODUK

Barut dijual dengan harga RM5-7 setiap satu mengikut corak dan kualiti kain. Juga dijual dalam pek 5 helai RM25

### SASARAN PELANGGAN

- Ibu-ibu bakal hamil
- Hospital/klinik bersalin
- Kedai-kedai pakaian bayi/kesihatan

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	750
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	300
Anggaran Jualan (Bulanan)	1,800
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	1,500

### CARTA ALIR



# BARANGAN BATIK LUKIS REKAAN EKSKLUSIF

Membuat dan menjual produk berasaskan batik dengan corak yang eksklusif.



## KELEBIHAN

Aktiviti ini berasaskan rekaan batik lukis yang eksklusif yang menggunakan tema khas yang menarik dan berkualiti. Rekaan batik lukis corak eksklusif adalah sangat popular dan boleh dijual dengan harga yang tinggi.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan mencanting batik
- Kain yang bermutu tinggi

## KHUSUS UNTUK

Mereka yang berbakat dalam seni melukis batik



## CARTA ALIR



## HARGA PRODUK

Harga setiap produk bergantung kepada kualiti kain dan motif batik. Ia boleh dijual antara RM50 ke RM300 setiap satu.

## SASARAN PELANGGAN

- Pelancong luar negara
- Kedai menjual cenderahati
- Penggemar batik

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	50
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	500
Anggaran Jualan (Bulanan)	1,500
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	1,000

# SELIMUT TAMPUNG SERIBU ISTIMEWA

Penghasilan selimut yang dikenali sebagai Tampung Seribu yang diperbuat dari perca-perca kain dan dihasilkan menjadi selimut yang bercorak menarik.

## KELEBIHAN

Aktiviti ini menawarkan produk selimut pelbagai corak yang berasaskan barangan lebihan yang berkualiti dan memberi kelainan kepada pelanggan. Model ini boleh dikembangkan kepada produk yang pelbagai.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Mesin jahit dan peralatan jahitan
- Perca kain
- Kain untuk lapisan dalam

## KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



## HARGA PRODUK

Harga selimut bergantung kepada saiz dan corak yang dihasilkan antara RM150 – RM200 setiap satu

## SASARAN PELANGGAN

- Penduduk setempat
- Pasaraya
- Penggemar selimut Tampung Seribu

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **2,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **120**

Anggaran Jualan (Bulanan) **1,200**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,080**

## CARTA ALIR



## KASUT TEMPAHAN KHAS SECARA ONLINE

Perkhidmatan tempahan kasut buatan sendiri melalui aktiviti promosi di bazar dan online. Kasut tempahan khas yang dibuat adalah mengikut citarasa pelanggan.

### KELEBIHAN

Aktiviti ini menyediakan platform untuk golongan yang memerlukan kelainan dan kesesuaian khusus di dalam pemakaian kasut. Kelainan dari segi rekaan dan kualiti pemakaian menjadi aspek utama untuk menarik pelanggan dan menjadikan ianya satu model perniagaan yang maju dan bertahan lama.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan jahitan kasut seperti tukul, pisau, paku, dan gam
- Fabrik, kulit dan *sponge*
- Aksesori lain seperti labuci dan manik

### KHUSUS UNTUK

- Mereka yang berminat dengan bidang kasut
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



47

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga setiap kasut bergantung kepada jenis bahan dan jenis kasut iaitu antara RM170 ke RM400

### SASARAN PELANGGAN

- Penggemar fesyen dan kasut
- Bakal pengantin

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	1,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	4,000
Anggaran Jualan (Bulanan)	10,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	6,000

# ANAK TUDUNG ISTIMEWA

Menjual anak tudung (inner tudung) rekaan sendiri menerusi Facebook dan secara langsung.



## KELEBIHAN

Aktiviti ini menyediakan anak tudung rekaan sendiri yang istimewa dan menarik. Kepelbagaian corak warna dan aneka aksesori yang ditawarkan menambah populariti produk tersebut dan menjadikannya model perniagaan yang baik dan mampu bertahan lama.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan menjahit
- Kain
- Aksesori

## KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



## HARGA PRODUK

Harga anak tudung bergantung kepada jenis anak tudung dan boleh dijual dengan harga RM6, manakala bagi yang memerlukan jahitan manik boleh dijual antara RM20 ke RM50

## SASARAN PELANGGAN

- Golongan wanita bertudung
- Kedai pakaian
- Butik pakaian

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **50**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **500**

Anggaran Jualan (Bulanan) **2,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,500**

## CARTA ALIR

MEREKA DAN MENJAHIT ANAK TUDUNG

MEMPROMOSI REKAAN ANAK TUDUNG DI FACEBOOK ATAU BLOG

MEMBUKA TEMPAHAN

MENERIMA TEMPAHAN DARI PELANGGAN DAN BAYARAN

MENJALANKAN PROSES MENGHASILKAN ANAK TUDUNG

PEMBUNGKUSAN

MENGHANTAR ANAK TUDUNG KEPADA PELANGGAN

## SENI REKA GRAFIK SECARA ONLINE

Membuat seni reka grafik untuk kad nama, banner, bunting, menu untuk restoran dan lain-lain lagi, dan dipromosi secara online.

### KELEBIHAN

Aktiviti membuat seni reka grafik secara online tidak memerlukan premis dan boleh dibuat di rumah atau di mana sahaja. Dengan berbekalkan komputer dan talian internet, kemahiran dalam seni reka grafik boleh dijadikan sebagai mata pencarian sampingan mahupun secara sepenuh masa.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Komputer dan internet
- Perisian untuk seni reka grafik

### KHUSUS UNTUK

Mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang seni reka grafik



### CARTA ALIR

### HARGA PRODUK



Setiap seni reka grafik dikenakan bayaran antara RM30 ke RM200. Caj pencetakan pula bergantung kepada material, kuantiti, serta pilihan warna.

### SASARAN PELANGGAN

- Syarikat korporat
- Agensi kerajaan
- Bakal pengantin

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	10,000
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	1,000
Anggaran Jualan (Bulanan)	3,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	2,000

# BUSANA LELAKI EKSKLUSIF

Membuat pakaian yang berfokuskan kepada busana lelaki seperti jubah dan kurta yang berasal dari kawasan Asia Tengah. Busana lelaki seperti ini sukar didapati di pasaran Malaysia. Pakaian ini kemudiannya boleh dipasarkan secara online.



## KELEBIHAN

Aktiviti ini merupakan pemasaran dan pembuatan busana lelaki eksklusif yang bermotifkan pemakaian ala Asia Tengah yang semakin meningkat popular. Dengan menampilkan motif rekaan sendiri melalui pemasaran online yang efektif, aktiviti ini mampu bersaing dan berdaya maju.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Bahan dan peralatan jahitan
- Mesit jahit

## KHUSUS UNTUK

- Peniaga kedai jahitan.
- Suri rumah



## HARGA PRODUK

Harga dikenakan bagi setiap busana bergantung kepada jenis dan saiz iaitu antara RM70 ke RM250 sepasang.

## SASARAN PELANGGAN

- Golongan artis lelaki
- Pasaran siber

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **2,500**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **2,500**

Anggaran Jualan (Bulanan) **5,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **2,500**

## CARTA ALIR

MEMBUAT BEBERAPA REKAAN BUSANA LELAKI

MENCARI BAHAN YANG BERSESUAIAN DENGAN REKAAN YANG TELAH DIBUAT

MEMULAKAN PROSES MENJAHIT, ATAU MENGHANTAR KEPADA TUKANG JAHIT

PROMOSIKAN CONTOH PAKAIAN YANG TELAH SIAP DIJAHIT KE DALAM FACEBOOK ATAU BLOG

MENERIMA PESANAN DARI PELANGGAN DAN KHASKAN PAKAIAN BERKENAAN UNTUK PELANGGAN TERSEBUT

MEMINTA BAYARAN

HANTAR PAKAIAN MELALUI POS

## BUTIK ONLINE

Membuat pakaian yang khusus untuk wanita dan kanak-kanak seperti dress, jubah, baju kurung, skirt, dan sebagainya. Pakaian ini kemudiannya boleh dipasarkan secara online.



### KELEBIHAN

Aktiviti ini melibatkan rekaan pakaian yang dibuat secara eksklusif untuk setiap 'batch' sahaja. Pemilihan bahan mentah yang berkualiti dan dengan menggunakan peralatan jahitan yang khusus menjadikan produk ini amat menarik dan mendapat sambutan ramai

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan menjahit
- Bahan jahitan

### KHUSUS UNTUK

- Peniaga kedai jahitan
- Mereka yang ingin menambah pendapatan

### CARTA ALIR

MEMBUAT REKAAN PAKAIAN DAN MENGHASILKAN PAKAIAN YANG DIREKA

SESI BERGAMBAR UNTUK DIMUATNAIK KE BLOG

MUAT NAIK GAMBAR CONTOH PAKAIAN

MEMULAKAN PROSES MENGHASILKAN PAKAIAN SECARA BESAR-BESARAN

MENERIMA TEMPAHAN DARI PELANGGAN MELALUI BORANG TEMPAHAN DI BLOG ATAU EMAIL

MEMINTA BAYARAN

PEMBUNGKUSAN PAKAIAN SECARA RAPI

PENGHANTARAN MELALUI POS

### HARGA PRODUK

Harga setiap pakaian dijual berdasarkan jenis pakaian dan fabrik yang digunakan iaitu antara RM70 ke RM200

### SASARAN PELANGGAN

- Kenalan Facebook
- Kumpulan Facebook
- Komuniti online yang lain

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **50**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **15,000**

Anggaran Jualan (Bulanan) **20,000**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **5,000**

# AKSESORI MANIK

Aktiviti membuat dan menjual aksesori berasaskan manik seperti gelang, rantai, topi, barang perhiasan dan sebagainya.

## KELEBIHAN

Aksesori yang dibuat berasaskan manik sangat menarik dan kemas bermotifkan elemen kebudayaan dan kenegerian. Produk yang dihasilkan adalah unik dan sangat sesuai sebagai cenderahati. Aktiviti ini boleh dicontohi dengan menggunakan keunikan barangan setempat dan mampu menjana pendapatan tambahan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

Peralatan membuat aksesori manik seperti jarum khas dan benang tangsi

## KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



## HARGA PRODUK

Harga bagi setiap aksesori manik dijual bergantung kepada jenis, saiz, dan tahap kesukaran dalam pembuatannya iaitu antara RM5 hingga RM15 setiap satu.

## SASARAN PELANGGAN

- Pelancong
- Pejabat-pejabat kerajaan (sebagai cenderahati)

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **2,000**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **6,070**

Anggaran Jualan (Bulanan) **8,700**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **2,630**

## CARTA ALIR



## BUNGA KRAF BERASASKAN TISU

Membuat bunga kraf seperti bunga telur, bunga dulang hantaran bunga rozel, kosaj atau 'handwrist', bunga hiasan cenderahati, hiasan meja, bunga tangan, bunga hiasan dalam pasu, bunga hiasan pelamin dan 'pomander ball'.



### KELEBIHAN

Bunga kraf yang berasaskan tisu tidak memakan kos yang mahal. Selain dari rupa bentuk yang menarik, bunga kraf tisu ini juga mudah untuk dihasilkan. Promosi produk secara online dapat menarik perhatian pelanggan dengan lebih efektif.

### APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan seperti dawai, gunting, pelilit, buluh, dan tisu
- Aksesori seperti bunga hiasan, riben, manik dan lain-lain

### KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Pesara
- Mereka yang ingin menambah pendapatan

### CARTA ALIR



### HARGA PRODUK

Harga dikenakan bergantung kepada jenis produk dan aksesori gubahan iaitu antara RM2.50 ke RM50

### SASARAN PELANGGAN

- Bakal pengantin baru
- Kedai cenderahati
- Pengurus majlis

### UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan	500
Kos Perbelanjaan (Bulanan)	1,400
Anggaran Jualan (Bulanan)	3,000
Anggaran Keuntungan (Bulanan)	1,600

# BARANGAN CENDERAMATA BERASASKAN KULIT SIPUT

Pembuatan kraftangan siput laut (cengerang) yang diusahakan bersama dengan suri rumah kawasan sekitar bagi menambah pendapatan bersama. Hasil kraftangan ini boleh dijual kepada pelanggan berminat dan pihak kraftangan negeri.



## KELEBIHAN

Aktiviti ini berasaskan pembuatan produk cenderamata yang dihasilkan dari siput laut yang menarik dan kreatif. Produk yang dihasilkan sangat istimewa kerana ia merupakan lambang bagi satu-satu kawasan. Dengan promosi yang baik dan strategi pemasaran yang efektif aktiviti ini mampu menjana pendapatan yang lumayan.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan membuat cenderamata seperti gunting, gam, pita, paku, tangsi dan sebagainya
- Bahan membuat cenderamata seperti kulit siput, dawai, riben, dan sebagainya

## KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Mereka yang berada di perkampungan tepi laut
- Mereka yang ingin menambah pendapatan

## HARGA PRODUK

Harga setiap produk bergantung kepada saiz dan jenis cenderamata iaitu antara RM5 ke RM300 setiap satu

## SASARAN PELANGGAN

- Kedai barangan kraftangan
- Pusat pelancongan

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **300**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **800**

Anggaran Jualan (Bulanan) **1,500**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **700**

## CARTA ALIR

MENERIMA TEMPAHAN DARI PELANGGAN

PERBINCANGAN HARGA DAN MENDAPATKAN BAYARAN PENDAHULUAN 30%

MENDAPATKAN BEKALAN KULIT SIPUT

MENGUMPUL RAKAN SEKAMPUNG UNTUK MENGHASILKAN PRODUK (BERGANTUNG KEPADA KUANTITI)

PROSES MENGHASILKAN CENDERAMATA


MENDAPATKAN BAKI BAYARAN

MENGHANTAR KEPADA PELANGGAN

MEMBAYAR UPAH RAKAN SEKAMPUNG

# UKIRAN KRAF PADA CERMIN

Pengukiran cermin adalah satu bidang kraf kreatif yang menarik. Ukiran dibuat dengan mengikis permukaan belakang cermin kepada corak yang diinginkan dengan menggunakan pisau pengukir, dan dikemaskan dengan bahan kimia.



## KELEBIHAN

Aktiviti pengukiran cermin adalah satu bidang kraf kreatif yang menarik dan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran. Proses pembuatannya yang tidak rumit menjadikan aktiviti ini mampu dicontohi oleh mereka yang berminat.

## APA YANG DIPERLUKAN?

- Peralatan mengukir seperti pisau, dan bahan kimia untuk memperkemaskan ukiran
- Bahan utama iaitu cermin

## KHUSUS UNTUK

- Mereka yang berminat dalam bidang seni ukir
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



55

## CARTA ALIR

MEMPAMERKAN CONTOH UKIRAN DI GALERI

MENERIMA TEMPAHAN DARI PELANGGAN

MENETAPKAN REKABENTUK, CORAK, DAN HARGA

MENDAPATKAN BAYARAN  
PENDAHULUAN SEBANYAK 30%

PROSES MENGHASILKAN UKIRAN CERMIN

MENDAPATKAN BAKI BAYARAN

MENGHANTAR PRODUK KEPADA PELANGGAN

## HARGA PRODUK

Harga produk bergantung kepada saiz dan tahap kesukaran dalam penghasilannya iaitu antara RM150 hingga RM3,500 untuk hiasan dinding, manakala untuk penghias kunci boleh dijual antara RM10 ke RM15 setiap satu

## SASARAN PELANGGAN

- Penggemar seni reka ukiran cermin
- Kedai kraftangan

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **500**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **600**

Anggaran Jualan (Bulanan) **1,200**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **600**

# HIASAN TERARIUM

Hiasan terarium ialah satu binaan kaca yang menempatkan tumbuh-tumbuhan dan bahan hiasan lain di dalamnya seperti tanah, pasir dan batu berwarna warni, arang dan guli. Pemilihan tumbuhan yang sesuai memudahkan jagaan hiasan terarium.



## KELEBIHAN

Hiasan tumbuhan terarium ini sangat menarik dan tidak memerlukan penjagaan yang rumit. Ia memerlukan semburan air secara minima sahaja. Aktiviti ini sangat mudah untuk dicontohi dan merupakan satu model perniagaan yang baik dan mampu bertahan lama.

## APA YANG DIPERLUKAN?

Bahan utama seperti bekas kaca, tumbuhan yang ingin ditanam, dan aksesori hiasan seperti pasir dan batu warna warni, tanah, arang, guli, dan riben.

## KHUSUS UNTUK

- Suri rumah
- Mereka yang ingin menambah pendapatan



## HARGA PRODUK

Produk boleh dijual mengikut saiz, jenis tumbuhan dan tahap kesukaran dalam penghasilannya iaitu antara RM5 ke RM60 setiap satu.

## SASARAN PELANGGAN

- Pasaran siber
- Kedai cenderamata / kraftangan
- Kedai tanaman hiasan

## UNJURAN PENDAPATAN (RM)

Kos Permulaan **500**

Kos Perbelanjaan (Bulanan) **300**

Anggaran Jualan (Bulanan) **1,500**

Anggaran Keuntungan (Bulanan) **1,200**

## CARTA ALIR

MENYEDIAKAN BAHAN SEPERTI BOTOL KACA, TUMBUHAN DAN AKSESORI

MEMASUKKAN BATU KE DALAM BOTOL

MEMASUKKAN ARANG YANG TELAH DIPECAHKAN

MEMASUKKAN TANAH

MENANAM TUMBUHAN YANG DIINGINI

MEMASUKKAN HIASAN YANG DIINGINI

SEDIA UNTUK DIJUAL

# AGENSI INOVASI MALAYSIA

Agensi Inovasi Malaysia (AIM), sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan melalui Akta Parlimen, diamanahkan untuk menjana kekayaan untuk negara menerusi ilmu pengetahuan, teknologi dan inovasi, serta menggalakkan pembangunan eko-sistem inovasi di Malaysia bagi mencapai Wawasan 2020. Matlamat utama AIM adalah untuk:

- Menghasilkan pendapatan tambahan untuk menyumbang kepada KDNK
- Mengadakan pekerjaan untuk tenaga-kerja di Malaysia
- Memberi inspirasi dan mengujudkan generasi baru usahawan inovatif
- Memudahkan evolusi syarikat-syarikat di Malaysia menjadi pesaing di peringkat global

## ADAKAH ANDA GIGIH?



## Agensi Inovasi Malaysia (AIM)

3501, Level 3  
Quill Building 3  
Jalan Teknokrat 5  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

Tel +603-8319 3116  
Fax +603-8319 3499

[www.gigih.my](http://www.gigih.my)  
[info@gigih.my](mailto:info@gigih.my)

